

3 muka baru anggotai Exco Melaka

MELAKA, Sabtu — Tiga muka baru dilantik menganggotai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang baru — bekas Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Aziz Tapa (Nyalas), Encik Arif Konil (Ayer Panas) dan Encik Ahmad Haji Abdullah (Tanjong Minyak).

Enam EXCO mewakili UMNO dan dua MCA, dikekalkan.

Mengumumkan demikian, Ketua Menteri, Encik Abdul Rahim Datuk Thamby Chik, berkata senarai baru ini telah dipersetujui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan diperkenankan oleh Yang Dipertua Negeri.

Menurutnya Datuk Aziz dilantik memegang portfolio pelajaran, kebudayaan, bella dan sukan menggantikan Encik Abdul Samad Kassim, anggota Dewan Negeri kawasan Ayer Keroh.

Manakala Encik Arif, bekas Pengarah Kemas Negeri, dilantik memegang portfolio kerja raya dan kemudahan awam dan Encik Ahmad dipertanggungjawabkan dengan portfolio kerajaan tempatan, perumahan dan alam sekitar.

Anggota-anggota EXCO yang dikekalkan ialah Encik Mohamed Jais (Pembangunan Desa), Encik Ahmad Nordin Mohamed Amin (Perusahaan Awam), Encik Idris Abdul Ghani (Hal Ehwal Agama dan Kebajikan Am), Encik Tee Cheng York (Pelan-



Encik Abdul Rahim

congan dan Perdagangan) dan Encik Lim Soo Kiang (Kesihatan dan Gunatanaga).

Ketua Menteri telah membentuk portfolio baru iaitu Tanah, Kewangan dan Perancangan Ekonomi yang akan dipegangnya sendiri.

Wakil-wakil rakyat Barisan Nasional yang lain, kata Encik Rahim, akan diberi tugas tertentu sesuai dengan latarbelakang masing-masing.